

Kelab Kerja Sosial UMS serah sumbangan kepada mangsa kebakaran Tg Aru

UB 02.06.2021 P.4

KOTA KINABALU: Kelab Kerja Sosial Universiti Malaysia Sabah menghantar sumbangan untuk membantu meringankan beban mangsa ditimpa bencana kebakaran di Kampung Tanjung Aru, di sini, baru-baru ini.

Sumbangan berbentuk 30 pek makanan dan pakaian disumbangkan kepada mangsa yang terlibat dengan kebakaran di lokality berkenaan dan disampaikan oleh Pensyarah Program Kerja Sosial UMS, Prof. Madya Dr. Peter Voo.

Dr Peter berkata profesion kerja sosial sememangnya profesion yang mengutamakan kebajikan individu, komuniti dan masyarakat demi mengembalikan kesejahteraan hidup mereka yang terjejas.

“Oleh itu keprihatinan warga Kelab Kerja Sosial UMS dalam membantu golongan yang memerlukan adalah menjadi keutamaan kami di Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial.



BANTUAN: Prof Madya Dr Peter Voo menyerahkan sumbangan untuk mangsa kebakaran Kampung Tanjung Aru.

“Dengan sumbangan ini diharapkan dapat membantu komuniti yang terjejas serta meringankan sedikit beban yang mereka hadapi,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Masjid Al-Khautar Tanjung Aru yang bertanggungjawab

dalam menguruskan bantuan kepada mangsa-mangsa kebakaran, Haji Yunus menyampaikan penghargaan dan terima kasih atas sumbangan Kelab Kerja Sosial UMS.

“Sejak musibah ini berlaku pihak kami telah menerima

banyak sumbangan dan semua sumbangan pihak kami akan atur dengan rapi agar sampai kepada semua mangsa kebakaran,” katanya.

Turut hadir Presiden Kelab Kerja Sosial UMS, Mohd Zahid Wedi.